

Perkembangan Identiti Kaum Peranakan Samsam Islam: Satu Kajian Kes Seorang Dalang Wayang Gedek di Kedah

SOHAIMI ABDUL AZIZ & OMAR YUSOFF

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan sejarah perkembangan identiti kaum Peranakan Samsam Melayu-Islam di utara Negeri Kedah pada hari ini. Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah dan antropologi. Manakala metodologi kajian ini berasaskan kepada kaedah temubual yang tidak berstruktur, kajian kepustakaan dan kajian teks. Kajian ini mendapati bahawa kaum Peranakan Samsam Melayu-Islam ialah kaum peranakan minoriti Melayu-Islam yang berketurunan Siam (Thailand) yang berada di sini semenjak abad ke-18 lagi dan keislaman mereka diragui kerana dipercayai mengamalkan amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Walau bagaimanapun pada umumnya, identiti mereka ini telah berubah apabila terjadi asimilasi dengan masyarakat tempatan semenjak Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan pada tahun 1970-an. Namun identiti berkenaan masih boleh dikenalpasti di kalangan kaum peranakan ini tetapi sangat kecil bilangan dan sukar. Seorang dalang Wayang Gedek dari kaum Peranakan Samsam Melayu-Islam yang terkenal di Negeri Kedah telah ditemubual untuk dijadikan satu kes kajian bagi mengkaji identitinya.

Kata kunci: Sejarah, identiti, peranakan Samsam Islam, Melayu, Siam, Wayang Gedek

ABSTRACT

This article discusses the identity development of the Peranakan Samsam Malay-Muslim community in the northern state of Kedah today. This study adopts the historical and anthropological approaches. The research methodology is based on non-structured interviews, library research and textual analysis. The Peranakan Samsam Malay-Muslim is a minority descended from Siam (Thailand). They are here since the 18th century. From the start, their presence is not fully accepted by the local Malay ethnic as a true Malay-Muslim because they are believed to practice the norms which are against the practice of Islam. This feature, form their identity and it makes the Peranakan Samsam Muslim negatively labeled. This article discovered that the negative identity has changed to the better because of the assimilation of the community with the local Malay-Muslim which has been going on since the implementation

of the New Economy Policy in 1970s. Nevertheless, the negative identity could still be identified among the peranakan community but the number is scarce. A well-known 'dalang' (puppet master) of the Wayang.

Key words: History, identity, Muslim Samsam peranakan, Malay, Siam, Wayang Gedek

PENGENALAN

Kedah ialah salah sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia yang bersempadan dengan Thailand. Pada satu masa dahulu hubungan Kedah dengan Thailand (seterusnya disebut Siam) tidak dibatasi oleh sempadan politik seperti hari ini. Pada masa lalu hubungan Kedah dengan Siam boleh dilihat daripada beberapa sisi seperti politik, budaya dan ekonomi. Penghantaran bunga emas dan perak ke Bangkok oleh kerajaan Kedah dan serangan Siam ke atas Kedah memperlihatkan hubungan politik di antara Kedah dan Siam. Pengaruh Siam juga terdapat di dalam seni dan budaya seperti seni wayang gedek di Kedah. Kaum Siam juga wujud di kampung-kampung Siam di Kedah dan mereka telah mendirikan wat-wat Siam untuk upacara-upacara agama Buddha serta beberapa perayaan agama yang berkaitan. Semua ini mengkonkritkan hubungan di antara Siam khususnya wilayah-wilayah di selatan Siam seperti Satun, Songkhla, Chenak dan Yala dengan daerah-daerah di utara Kedah seperti Padang Terap dan Kubang Pasu.

Pada mulanya, hubungan di antara dua wilayah ini, iaitu Siam Selatan dan Kedah Utara tidak menghasilkan sempadan politik yang jelas. Namun dengan Perjanjian Inggeris-Siam 1909, sempadan politik yang konkrit di antara Siam Selatan dan Kedah Utara telah terbina. Sejarah telah membuktikan wujud hubungan politik dan demografi yang akrab antara Negeri Kedah dengan Siam semenjak dahulu lagi sehingga berlaku penghijrahan di antara masyarakat di Siam Selatan dengan masyarakat Kedah Utara kerana faktor sosio-budaya yang begitu akrab semenjak dahulu lagi. Makalah ini meneliti penghijrahan kaum dari selatan Siam ke utara Kedah seperti ke Padang Terap dan Kubang Pasu. Penghijrahan ini telah menyebabkan berlaku pembentukan satu kaum Samsam yang terdiri daripada dua kelompok iaitu Samsam Islam dan Samsam Buddha dan masing-masing mempunyai identiti yang tersendiri. Makalah ini akan membincangkan kedudukan identiti kaum peranakan Samsam Islam yang dianggap sebagai kaum peranakan kerana wujud campuran keturunan di

antara Melayu dan Siam melalui perkahwinan dan persoalan yang akan dikupas secara kritis ialah pembentukan identitinya dan meneliti sejauhmana identiti ini masih kukuh.

SEJARAH KAUM MELAYU DAN SIAM


Pada satu masa dahulu, Pattani merupakan salah satu wilayah di selatan Siam. Pattani ialah sebahagian daripada sebuah wilayah besar di tanah besar Asia Tenggara yang terangkum di dalam satu ruang geografi yang dikenali sebagai Kepulauan Melayu (*Malay Archipelago*) atau lebih dikenali sebagai Nusantara. Negara-negara di dalam Kepulauan Melayu ialah negara-negara di Tanah Besar Asia Tenggara (Indocina), Indonesia, Filipina, Malaysia, Brunei, Singapura dan Papua New Guinea. Dari segi demografinya, penduduk Kepulauan Melayu ini adalah penduduk Austronesia (rumpun Melayu) dan bahasanya pula ialah Malayo-Polinesia.

Wilayah Pattani merangkumi Pattani, Yala dan Narathiwat dan di wilayah ini telah wujud sebuah Kerajaan Melayu Pattani di antara abad ke-14 dan 15. Wilayah Pattani telah menjadi pusat perdagangan Timur-Barat semenjak abad ke 8 Masihi. Sebelum itu, dipercayai telah wujud kerajaan Melayu Langkasuka dari abad ke-2 Masihi. Di antara abad ke 9 dan 10 Masihi, wilayah Pattani pernah berada di bawah penguasaan empayar Sriwijaya yang bertapak di Sumatera dan kerajaan Melayu-Hindu ini mula wujud di Sumatera pada abad ke-7 Masihi.

Islam lebih awal bertapak di Pattani berbanding di Melaka. Kaum Melayu di selatan Siam telah beragama Islam sebelum Raja Melaka iaitu Parameswara memeluk Islam pada tahun 1403. Islam mula bertapak di Pattani pada abad ke 11 atau lebih awal lagi. Mengikut sumber sejarah seperti catatan perjalanan Ibu Batuttah dan Portugis, sebelum abad ke - 11 sudah ada kaum Islam di Pattani. Dipercayai bahawa sudah ada pedagang dari Pasai yang berniaga di sana. Pasai adalah negeri yang pertama memeluk Islam di Kepulauan Melayu. Mengikut *Hikayat Patani* (Siti Hawa Hj. Salleh 1992: 7), Raja Pattani yang pertama memeluk Islam ialah Phya Tu Antara (Siam asli) dan baginda diIslamkan oleh seorang ulama Pasai bernama Syeikh Said dan kemudian dikenali sebagai Sultan Ismail Syah Zillullah Fil-‘Alam. Islam berkembang di wilayah Pattani melalui hubungan perdagangan dengan saudagar-saudagar Islam yang berdagang di Cina. Sebenarnya, kaum Melayu telah berada di Siam Selatan semenjak kerajaan Melayu Langkasuka lagi tetapi mereka bertumpu di wilayah Pattani seperti di Pattani, Yala dan Narathiwat.

Kaum Melayu di daerah-daerah di selatan Siam juga dikenali dengan beberapa panggilan lain seperti Jawi, Melayu-Islam dan Melayu-Pattani. Dengan kata lain kaum yang menduduki Pattani adalah masyarakat Melayu yang beragama Islam. Selain di Wilayah Pattani, wilayah-wilayah lain di Siam Selatan juga didiami oleh kaum Melayu yang beragama Islam. Walau bagaimanapun, jika dibandingkan dengan Wilayah Pattani (Rajah 1), kawasan-kawasan lain seperti di Satun, Songkla dan Chenak, kaum Melayu di situ tidak seramai di Wilayah Pattani. Dengan kata lain, kaum Melayu telah lama menduduki wilayah-wilayah di selatan Siam dan mereka adalah sebahagian daripada dunia Melayu seperti yang ditegaskan oleh Surin Pitsuwan (1982: 28):

Culturally, the Malay-Muslims of Southern Thailand belong to the Malay world. Politically they are part of the Thai nation-state whose



Rajah 1. Wilayah-wilayah Siam Selatan: Setul, Songkla (termasuk Chenak), Yala, Pattani dan Narathiwat

state religion is Buddhism. While the state is trying to cultivate a sense of belonging among these people, their traditional ties to their culture tend to keep them apart from the mainstream.

Bermula pada abad ke-18, wilayah-wilayah yang dikawal oleh kaum Melayu seperti di Pattani mula dikuasai oleh kaum Siam yang berpusat di Bangkok. Keadaan ini mula berlaku semenjak Siam dapat mengalah Burma di Ayuthia pada tahun 1776. Semenjak itu, kerajaan Siam telah memberi perhatian semula kepada wilayah-wilayah di selatan Siam dan beberapa tahun kemudian menyerang Kerajaan Melayu Pattani hingga meruntuhkannya. Serangan dan penguasaan Siam ini menyebabkan ramai kaum Melayu-Islam itu menyeberang ke negeri-negeri Melayu yang bersepadan dengan Siam Selatan seperti Kedah, Perlis, Perak dan Kelantan.

PENGUASAAN KERAJAAN SIAM TERHADAP KEDAH

Sebelum abad ke 13, Siam Utara dikuasai oleh masyarakat Tai yang terdiri daripada suku-suku Lao, Shan dan Lu yang datang dari timur laut Burma, China Tengah dan Selatan. Di antara tahun 1200 dan 1351, berlaku transformasi di Tanah Besar Asia Tenggara sehingga muncul satu masyarakat baru. Transformasi ini disebabkan oleh beberapa perkara seperti pergerakan masyarakat Tai di utara yang berbukit-bukit ke kawasan-kawasan lembah yang lebih bertamadun iaitu ke kawasan tengah, kebangkitan Buddhisme dan kemuculan Mongol di China yang telah memberi kesan kepada perluasan kuasa di Asia Tenggara. Semuanya ini mengarah kepada penyerapan atau difusi kuasa dan terbentuk pelbagai kerajaan mengikut waktu-waktu tertentu seperti Periode Sukhotai (abad ke 13), Periode Ayutthya (abad ke 15), Periode Thouburi (abad 18) dan kemunculan Periode Bangkok (Dinasti Chakri) sehingga ke hari ini. Menurut Wyatt (1999: 1):

The modern Thai may or may not descended by blood from the late-arriving Tai. He or she may instead be the descendant of still earlier Mon or Khmer inhabitants of the region, or much later Chinese or India immigrants. Only over many centuries has a "Thai" culture, a civilization and identity, emerged as the product of interaction between Tai and indigenous and immigrant culture.

Dengan kata lain, kaum Tai yang datang dari utara dan telah bergerak ke tengah dan selatan dan kemudian bercampur dengan suku-suku atau

bangsa-bangsa yang lain, lalu membentuk satu kaum Siam yang berdarah campuran. Perkataan Siam itu sendiri ialah jalinan atau resapan bahasa-bahasa Cham, Mon-Khmer dan Pagan. Selain kaum Siam yang berdarah campuran ini, terdapat juga kaum Siam asli yang semenjak dahulu mendiami wilayah-wilayah di selatan Siam dan mereka membentuk majoriti kaum Siam di situ. Kedua-dua kaum Siam ini kemudiannya membentuk identiti, budaya dan tamadun bangsa Thai. Di wilayah-wilayah Siam selatan, orang Melayu-Islam dan Siam-Buddha merupakan penduduk tempatan yang membentuk satu kaum. Namun taburan mereka tidak sama di antara satu wilayah dengan wilayah yang lain seperti wilayah Pattani kaum Melayu-Islam lebih ramai berbanding di wilayah Songkhla. Kemudian kaum Siam dari utara dan tengah mula memasuki kawasan selatan Siam khususnya di kawasan Barat dan Tengah Segenting Kra seperti di Satun.

PERHUBUNGAN TEGANG DI ANTARA KERAJAAN SIAM DAN NEGERI KEDAH

Sebelum abad ke-13, banyak wilayah yang lepas bebas dengan sistem politik, budaya, ekonomi dan ketenteraan yang berpusat di Bangkok dan keadaan ini termasuklah wilayah-wilayah di selatan yang mengandungi kaum Melayu seperti Pattani yang telah wujud sebagai entiti yang tersendiri. Kemudian, bermula pada abad ke 13, mereka mula diancam dan diketepikan oleh kerajaan Siam. Keselamatan dan kedaulatan Negeri Kedah yang bebas itu turut diancam oleh kemunculan kerajaan Siam yang kuat. Negeri Kedah terpaksa tunduk kepada kekuatan kerajaan Siam ini dengan menghantar bunga emas ke Bangkok. Selain itu, kebangkitan Burma juga turut mengancam keselamatan dan kedaulatannya. Burma telah menjadi satu kuasa yang digeruni oleh Siam semenjak tahun 1750-an. Kebangkitan Burma sebagai satu kuasa yang kuat bermula dengan pemimpin popular mereka bernama Alaungapa. Pada tahun 1759, Siam telah ditawan oleh Alaungapa, kemudian penguasaan Burma diteruskan oleh anaknya Hsinbyushin melalui penaklukan ke atas Ayuthaya pada tahun 1766. Peperangan di antara Burma dan Siam telah menyebabkan Kedah dapat bergerak bebas daripada pengaruh kerajaan Siam kerana kerajaan Siam berada di dalam keadaan yang tidak stabil. Namun, semenjak tahun 1782, kekuasaan Siam di Bangkok semakin pulih dan Kerajaan Siam mula bebas daripada ancaman kerajaan Burma. Maka kerajaan Siam beralih semula minatnya

terhadap negeri-negeri di utara Tanah Melayu. Penghantaran bunga emas dan perak oleh kerajaan Kedah diminta diteruskan oleh kerajaan Siam, yang pada waktu itu diketuai oleh Rama 11. Di antara tahun 1812-1813, terdapat rombongan kerajaan Kedah ke Bangkok untuk menyatakan taat setia kepada kerajaan Siam. Kuatnya ancaman keselamatan dari kerajaan Siam ini boleh dibuktikan di dalam satu peristiwa di mana Perak enggan menghantar bunga emas dan perak ke Bangkok. Kerajaan Siam mengarah kerajaan Kedah untuk menyerang Perak. Menyedari bahayanya kerajaan Siam ini dan Kedah akan diserang pula jika engkar, maka tanpa banyak pilihan, kerajaan Kedah telah menyerang Perak pada tahun 1817. Perang ini tamat sepenuhnya apabila kerajaan Perak bersetuju menghantar bunga emas dan perak kepada kerajaan Siam pada tahun 1819 (Yaacob Ahmad 1983: 4-6, lihat juga Buyong Adil 1980: 53-59). Dengan kata lain, hubungan Kerajaan Siam dengan Kedah berada di dalam keadaan tegang semenjak abad ke-13 lagi dan semakin ketara pada abad ke 19.

KONFLIK DALAM NEGERI KEDAH


Raja Burma iaitu Raja Bagyidaw yang menaiki takta pada tahun 1819 cuba menjalankan dasar perluasan kuasanya dan berhajat untuk menghapuskan Dinasti Cakri di Siam. Raja Burma ini mula mengganggu wilayah-wilayah di bawah pengaruh Siam seperti Kedah dan jajahan takluknya. Pengaruh Burma ke atas Kedah membimbangkan kerajaan Siam (Yaacob Ahmad 1983: 6). Sultan Ahmad Tajuddin (1804-1821) yang memerintah Kedah pada waktu itu ingin berkecuali daripada sebarang kuasa luar telah tidak membantu Siam menentang Burma. Gabenor Nakorn Sithammurat iaitu Raja Ligor mahu kerajaan Siam di Bangkok menyerang Kedah kerana kurang bekerjasama untuk menolong kerajaan Siam seperti memberi bantuan kelengkapan perang dan makanan untuk melemahkan pengaruh Burma ini. Sikap Raja Ligor ini semakin bahaya apabila pada tahun 1818, kerajaan Siam di Bangkok telah menganugerahkan Sultan Ahmad Tajuddin dengan gelaran “Cau Phraya” yang menyebabkan kedudukan Raja Ligor lebih rendah dan Sultan Kedah tidak lagi mengendahkan perintah daripada Raja Ligor. Ketegangan ini dikusutkan lagi apabila berlaku konflik dalaman kerajaan Kedah iaitu di antara Raja Muda Kedah, Tunku Yaakub (Tunku Embun) dengan Sultan Ahmad Tajuddin. Tunku Yaakub telah memberitahu Raja Ligor bahawa Sultan Ahmad Tajuddin tidak lagi berminat untuk memerintah dan berhasrat untuk menyerahkan Kedah kepada Kerajaan Siak. Melalui fitnah

ini, Tunku Yaakub telah menghasut Raja Ligor menyerang dan mengambil Kedah. Berdasarkan kepada beberapa faktor yang berhubung kait khususnya perluasan kuasa oleh Burma, maka pada tahun 1821, kerajaan Siam menyerang Kedah melalui darat dan laut yang dipimpin oleh anak-anak Raja Ligor (Buyong Adil: 53-62). Di antara tahun 1821 hingga 1839, Siam telah menyerang Kedah sebanyak tiga kali. Serangan-serangan ini telah memporak-perandakan Kedah. Berlaku serang menyerang di antara kedua-dua belah pihak. Pelbagai penyiksaan dilakukan oleh pihak tentera Siam terhadap penduduk Kedah sehingga menimbulkan kebencian kepada orang Siam. Kemudian Negeri Kedah menjadi jajahan takluk Siam. Pada tahun 1838-1839, Siam telah mengembalikan Kedah dan jajahannya seperti Perlis kepada pemerintah orang Melayu namun Kedah masih di bawah naungan Siam. Maka ufti berupa bunga emas dan perak perlu dihantar kepada Raja Siam di Bangkok pada setiap tahun tanda mengakui kekuasaan kerajaan Siam.

KRISIS EKONOMI DAN POLITIK DI DAERAH-DAERAH DI SIAM SELATAN: PENGHIJRAHAN KAUM SIAM KE NEGERI KEDAH

Pada abad ke 18 dan 19, petani-petani di selatan Siam yang beragama Islam (Melayu-Islam) dan Buddha (Siam-Buddha) yang dilanda masalah ekonomi telah berhijrah ke utara Kedah. Menurut Archaimbault (1957: 74), pada tahun 1831 berlaku krisis ekonomi di Songkla yang menyebabkan terjadi penghijrahan penduduk Siam ke kawasan-kawasan subur di sempadan Kedah dan Siam.

Selain masalah ekonomi, masalah pemerintahan juga menyebabkan ramai kaum Siam di selatan telah berhijrah ke Kedah. Mengikut Ku Halim Ku Ariffin¹, neneknya yang bernama Hajah Mariam Bt Arshad telah datang ke Tokai, Kedah dari Chenak (Chana), dalam usia sembilan tahun. Hajah Mariam datang ke Tokai mengikut bapanya dan pandai berbahasa Siam atau bahasa Mong Thai. Mengikut maklumat yang diperolehi daripada neneknya itu, Ku Halim memberitahu bahawa neneknya datang ke Kedah kerana masalah cukai. Dikatakan bahawa setiap minggu tentera-tentera Siam akan datang ke kampung-kampung untuk memungut cukai dan ini membebankan rakyat. Maka mereka melarikan diri dan tempat yang dipilih ialah daerah-daerah di utara Kedah yang ramai penduduknya terdiri daripada kaum Melayu-Islam (Rajah 2).



Rajah 2. Daerah-daerah di Kedah Utara: Kubang Pasu dan Padang Terap

KAUM PERANAKAN SAMSAM ISLAM DI KEDAH DAN IDENTITINYA

Persoalan tentang identiti dan kupasan tentangnya bermula semenjak tahun 1950an apabila seorang pakar psikologi kelahiran Jerman iaitu Erik Erikson (1902-1994) memperkatakan tentang krisis identiti. Semenjak itu persoalan identiti terus mendapat perhatian bukan sahaja dalam bidang psikologi tetapi juga dalam bidang sains sosial. Lantaran itu, identiti mendapat makna yang pelbagai apabila diletakkan dalam konteks yang berbeza. Fearon (1999) telah membahagikan identiti kepada dua iaitu identiti sebagai kategori sosial dan personal. Identiti sebagai kategori sosial merujuk kepada sekumpulan manusia yang ditandai oleh satu label atau

pelbagai label yang diberi atau yang digunakan, dikenali melalui peraturan keahlian kumpulan tersebut dan ciri-cirinya. Manakala identiti personal ialah identiti yang berasaskan ciri-ciri tertentu di mana ciri-ciri tersebut dibanggakan. Maka secara tidak langsung ciri-ciri ini menjadi sebahagian daripada maruah dan kebanggaan individu tersebut. Ciri-ciri identiti yang dimaksudkan merujuk kepada di antaranya kepercayaan, nilai, komitmen moral atau sifat fizikalnya. Makalah ini memberi perhatian kepada identiti sebagai kategori sosial. Terdapat beberapa jenis identiti yang tergolong dalam identiti sebagai kategori sosial seperti identiti nasional dan identiti etnik atau identiti kaum. Identiti peranakan Samsam merupakan identiti etnik atau kaum. Identiti etnik peranakan Samsam islam ialah identiti Melayu-Siam.

Kehadiran kaum Siam yang beragama Islam atau Buddha di utara Kedah khususnya di kawasan yang bersempadan dengan Siam telah mewujudkan satu kaum peranakan yang dikenali sebagai kaum peranakan Samsam atau Sam-sam. Terdapat beberapa pendapat tentang pembentukan kaum Samsam ini sehingga boleh menimbulkan kekeliruan. Di dalam konteks etimologi, perkataan samsam boleh dihubungkan dengan perkataan Melayu, "sama-sama" yang bermaksud bersama-sama. Di dalam bahasa Siam, "sam" bermaksud campur atau bercampur. Manakala di dalam dialek Cina Hokkien, Samsam dihubungkan dengan perkataan "tcham-tcham" yang membawa maksud bercampur-campur. Sehubungan itu, ada yang mengatakan bahawa kaum peranakan Samsam ialah kaum yang wujud hasil daripada perkahwinan campur di antara kaum Siam dengan Melayu, Siam dengan Cina, Siam dengan India dan antara Siam di selatan seperti di Satun, Yala dan Narathiwat dengan Siam di utara seperti dari Lembah Menam Chao Phraya. Ada pula yang berpendapat bahawa kaum peranakan Samsam terhasil daripada perkahwinan antara kaum Siam dengan orang tempatan iaitu orang Melayu. Pengertian yang lebih tepat dan rasional datang daripada pengertian yang mengatakan bahawa kaum Samsam terbahagi kepada dua iaitu Samsam Islam dan Samsam Buddha (Cheah Boon Kheng 1981: 98; lihat juga Kuroda 2008). Kaum Samsam Islam ialah mereka yang beragama Islam, manakala kaum Samsam Buddha pula beragama Buddha. Di dalam makalah ini, pengkaji meneliti identiti kaum Samsam Islam yang berada di beberapa daerah di utara Kedah. Oleh kerana kaum Samsam ini mengahwini kaum Melayu sama ada di wilayah-wilayah selatan Siam (sebelum berhijrah ke Kedah) ataupun di wilayah-wilayah di utara Kedah maka kaum ini lebih tepat dikenali sebagai kaum peranakan Samsam Islam kerana berkahwin dengan kaum Melayu-Islam. Penelitian ini dilakukan daripada tulisan beberapa

sarjana dan data yang diperoleh di dalam kerja lapangan di Negeri Kedah pada tahun 2009.

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa etnik atau kaum merupakan sejenis identiti dan identiti ini merupakan satu kategori sosial. Sebagai satu kategori sosial, kaum peranakan Samsam Islam mempunyai ciri-cirinya tersendiri yang menyebabkan kaum peranakan ini mempunyai satu identiti kaum yang dapat dikenalpasti. Melalui beberapa tulisan dan responden yang ditemui, dapat disimpulkan tiga ciri kaum peranakan Samsam Islam di Kedah:

Pertama; kaum peranakan Samsam Islam di utara Kedah boleh berbahasa Siam seperti bahasa Mong Thai (dialek Thai Selatan) atau bahasa Thai tinggi dan beragama Islam. Keiko Kuroda (2008) di dalam tulisannya yang bertajuk “The Siamese in Kedah under nation-state making,” menyatakan bahawa terdapat dua kaum di utara Kedah yang boleh bertutur di dalam bahasa Siam. Pertama, mereka yang beragama Islam atau Melayu-Islam dan kedua; mereka yang beragama Buddha yang dikenali sebagai masyarakat Siam (Siamese). Dengan kata lain, bagi Kuroda, terdapat dua perkara penting yang boleh menunjukkan identiti kaum peranakan Samsam Islam iaitu, berbahasa Siam dan beragama Islam. Kemampuan berbahasa Siam ini bukan bermaksud mana-mana orang Melayu yang boleh berbahasa Siam diterima sebagai kaum peranakan Samsam Islam.

Kedua; asal keturunan juga menjadi satu ciri identiti kaum peranakan Samsam Islam. Sungguhpun mereka lahir di utara Kedah, sekurang-kurangnya berketurunan mereka berasal dari wilayah-wilayah di selatan Siam berdasarkan daripada susur galur datuk nenek mereka. Sebelum adanya sempadan politik antarabangsa pada tahun 1909, sebahagian kaum asal yang menduduki wilayah-wilayah di selatan Siam seperti Satun, Songkhla (termasuk Chenak), Pattani, Yala dan Narathiwat ialah kaum Melayu-Islam dan berbahasa Melayu, mereka tidak tahu berbahasa Siam. Bagaimanapun, setelah berada lama di bawah penguasaan kerajaan Siam semenjak abad ke-18, mereka boleh berbahasa Siam hasil daripada dasar pemerintah Siam pada hari ini. Ada di antara kaum Melayu dari wilayah-wilayah di selatan Siam ini yang kemudiannya menjadi anggota kaum peranakan Samsam Islam.

Keturunan kaum peranakan Samsam Islam yang berasal daripada kaum Melayu-Siam telah juga dibincangkan oleh Zaharah Hj. Mahmud (1979), di dalam tulisannya yang bertajuk “*The Evolution of Population and Settlement in the State of Kedah.*” Di dalam esei ini, Zaharah menyatakan bahawa kaum peranakan Samsam Islam di Negeri Kedah

ada kaitannya dengan masyarakat Melayu dalam konteks geografi dan budaya:

Another important minority in the traditional population was the Samsam. These were the culturally, though not religiously, Siamese oriented Malays. These peoples were mainly to be found in ten upper valleys of the Kedah and its tributaries especially those bordering Thailand. These people were mainly extensions of the Malays inhabiting the Thai States of Chenak, Raman, Tiba, Patani and Setul. The regions of special concentration of the Samsam in Kedah have been the upper valleys of the Kubang Pasu, Padang Terap and Baling Districts and Sik. All these are continuous at one point or another with the Kedah-Thai frontier (Zaharah Haji Mahmud 1979: 132).

Bagi Zaharah, kaum Samsam merupakan kaum Melayu-Siam di mana ekstensinya ialah daripada kaum Melayu di daerah-daerah di selatan Siam dan orientasi budaya mereka adalah budaya Siam. Mereka beragama Islam atau lebih tepat dan di dalam konteks kajian ini mereka ialah kaum Samsam Islam. Walau bagaimanapun, Zaharah (1979) tidak melihat kaum Samsam Islam ialah kaum peranakan. Namun, sebagaimana yang telah dibincangkan bahawa kaum Samsam Islam ialah kaum peranakan kerana mereka merupakan kaum campuran hasil daripada perkahwinan di antara kaum Melayu dan Siam. Percampuran ini mungkin berlaku semenjak di daerah-daerah di selatan Siam ataupun di daerah-daerah di utara Kedah.

Ciri ketiga; kaum Melayu tempatan menganggap kaum peranakan Samsam Islam ini kurang keislamannya atau kurang pengetahuan dan amalan agama Islam kerana mereka masih dipengaruhi dengan adat resam Siam yang berbaur dengan agama Buddha yang bertentangan dengan Islam. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Keat, mereka makan makanan yang tidak bersih bagi Islam. Mengikut Alwi Bin Sudin², kaum peranakan Samsam Islam mempunyai imej yang negatif kerana sungguhpun mereka Islam, mereka mengamalkan perkara-perkara yang bertentangan dengan Islam dan adat resam kaum Melayu-Islam.

Terdapat beberapa tulisan tentang kaum peranakan Samsam Islam ini yang boleh digunakan untuk mencari lagi pengertian yang lebih diyakini di dalam perkara ini. W.W. Skeat telah dimaklumkan tentang kaum peranakan Samsam Islam ketika melawat Perlis pada tahun 1900:

...always Malays who had turned Siamese in everything but their religion; they seldom, if ever, became Buddhist...and ate "unclean" things such as tortoises (kura-kura) and generally gave up attendance at the mosque (Cheah 1981: 99).

Skeat telah diberikan satu gambaran siapa yang dikatakan kaum peranakan Samsam Islam, dari segi etniknya; Melayu, agamanya; Islam tetapi kurang keislamannya atau kurang pengetahuan agamanya, manakala budayanya sebahagiannya masih budaya Siam yang kurang selari dengan Islam seperti pemakanannya yang kurang bersih daripada segi hukum. Ada yang mengatakan bahawa mereka bukan sahaja makan kura-kura atau labi-labi, mereka juga makan daging babi, biawak dan ular (Cheah 1981).

Mengikut seorang lagi responden iaitu Halim Dinaar³, yang berasal dari Chenak dalam wilayah Songkhla, kaum peranakan Samsam Islam yang memakan makanan yang tidak bersih daripada segi hukum Islam seperti ular, biawak, babi dan sebagainya bukan daripada kaum Melayu-Siam yang berasal dari wilayah-wilayah di selatan Siam. Mereka sebenarnya adalah daripada kaum Siam yang dibawa dari wilayah-wilayah di utara Siam seperti dari Chiang Mai dan Chiang Rai semenjak abad ke-18. Mengikut sejarah Siam, pada zaman dahulu, wilayah-wilayah di utara Siam dikuasai oleh kaum daripada keturunan Mons yang datang dari China Tengah. Kemudian pada abad ke 13, berlaku perluasan wilayah oleh bangsa Mongol yang diketuai oleh Kublai Khan, maka bangsa Mongol pula berada di Siam Utara. Bermula pada abad ke-18, mereka ini dibawa oleh tentera-tentera Siam semasa mereka menguasai wilayah-wilayah di selatan Siam seperti di Satun, Songkhla, Patani, Yala dan Narathiwat. Tentera-tentera Siam membawa mereka ini untuk mengimbangi kaum Melayu-Islam yang menjadi golongan majoriti di situ dan tindakan ini adalah satu strategi tentera Siam untuk menguasai wilayah-wilayah selatan ini. Golongan yang dibawa dari utara ini, adalah kaum Siam campuran iaitu Siam bercampur dengan Cina dan lebih ke arah golongan Mongol. Wajah-wajah mereka ada kacukan Cina. Ada di antara mereka yang kemudiannya diIslamkan oleh kaum Melayu-Siam di situ. Maka terjadilah proses asimilasi menjadi Melayu-Siam di mana mereka mengamalkan adat dan resam orang Melayu dan mengamalkan ajaran Islam serta meninggalkan amalam atau adat resam Siam yang bertentangan dengan Islam. Oleh kerana baru memeluk Islam, maka pegangan Islamnya tidak kuat dan apabila mereka ke wilayah-wilayah di utara Kedah maka mereka menjadi orang Islam yang kurang didikan agamanya dan mereka mengamalkan perkara-perkara yang bertentangan dengan adat resam orang Melayu dan ajaran agama Islam. Berbanding dengan wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat yang majoriti penduduknya adalah kaum Melayu-Siam-Islam, Songkhla pula majoritinya adalah Siam-Buddha maka di wilayah-wilayah ini proses pengislaman masyarakatnya adalah terhad

dan tidak sekukuh berbanding dengan apa yang berlaku di Wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat. Kebanyakan mereka yang datang ke Kubang Pasu dan Padang Terap berasal dari wilayah Songkla dan kawasan-kawasan yang berhampiran. Dengan kata lain, pengaruh Siam-Buddhanya yang masih menebal di kalangan kaum peranakan Samsam Islam ada hubungannya dengan latar hidup mereka ketika berada di wilayah-wilayah selatan Siam. Perlu juga diingatkan bahawa, wilayah-wilayah di selatan Siam Selatan didiami juga kaum Siam sejati atau Siam asli di kalangan kaum Melayu-Siam-Islam. Mereka telah wujud semenjak dahulu lagi dan berasal dari situ sebelum kebanjiran kaum Siam dari utara dan tengah pada abad ke-18. Dipercayai ada di antara kaum Siam asli selain dari kaum Siam dari utara dan tengah yang berkahwin dengan kaum Melayu-Siam yang berada di wilayah-wilayah di selatan Siam dan ada di antara mereka ini berhijrah pula ke wilayah-wilayah di utara Kedah dan menjadi sebahagian daripada kaum peranakan Samsam Islam. Dengan kata lain, pembentukan kaum peranakan Samsam Islam di wilayah-wilayah di utara Kedah berlaku di dalam dua cara. Pertama, bermula dari wilayah-wilayah di selatan Siam di mana kaum Siam berkahwin dengan kaum Melayu-Islam di situ dan mereka berhijrah ke Kedah dan kedua, kaum Siam yang berhijrah ke wilayah-wilayah di utara Kedah telah berkahwin dengan kaum Melayu-Islam tempatan. Kedua-dua cara pembentukan kaum peranakan Samsam Islam mempunyai latar belakang sosio-budaya kaum Siam yang jelas dan memungkinkan pegangan agama Islam agak longgar seperti yang dipandang oleh kaum Melayu-Islam tempatan dan identiti mereka pula ialah identiti etnik yang negatif.

Identiti yang negatif ini diperkukuhkan dengan kegiatan menyamun. Kaum peranakan Samsam Islam telah dikaitkan dengan daerah-daerah penyamun (bandit) iaitu daerah-daerah yang bersempadan dengan Siam seperti Sintok, Baling, Pendang, Padang Terap dan Kubang Pasu. Kawalan Inggeris ke atas daerah-daerah ini lemah dan penjenayah-penjenayah ini bebas melakukan kegiatan mereka di situ. Ada penjenayah-penjenayah dari daerah-daerah lain yang melarikan diri daripada ditangkap oleh pihak polis ke daerah-daerah ini sebagai tempat persembunyian. Salah satu penyamun yang terkenal ialah Salleh Tui yang menjalankan kegiatannya di daerah Padang Terap dan Kubang Pasu (Cheah 1981). Maka daerah Padang Terap dan Kubang Pasu dianggap sebagai kawasan hitam dan imej kaumnya juga turut hitam. Sehubungan itu, kaum peranakan Samsam yang mendiami daerah-daerah ini juga turut dipandang serong.

MENDEKONSTRUKSIKAN IDENTITI KAUM PERANAKAN SAMSAM ISLAM

Di dalam konteks hari ini, identiti negatif yang ada pada kaum peranakan Samsam Islam ini yang telah diambil dan digunakan oleh kaum Melayu tempatan daripada dahulu hingga ke hari ini untuk melabelkan seseorang yang mempunyai perlakuan yang buruk seperti menipu, berdusta dan mencuri sebagai kaum Samsam, tidak mengira sama ada orang itu Melayu tempatan atau orang Siam yang bukan beragama Islam. Dengan kata lain, pada hari ini perkataan samsam ini telah menjadi satu stigma yang negatif yang dilabelkan oleh masyarakat tempatan kepada sesiapa yang memperlihatkan keperlakuan yang tidak seiring dengan norma-norma yang dipersetujui bersama seperti tidak boleh dipercayai, tidak berkelakuan sopan, mencurigai dan sebagainya.

Di Kedah, selain kaum peranakan Samsam Islam, terdapat satu lagi kaum peranakan yang dikenali sebagai Jawi Peranakan atau Jawi Pekan. Jawi Peranakan ialah satu masyarakat yang terjadi hasil daripada perkahwinan antara golongan India Muslim dengan wanita-wanita Melayu tempatan yang bermula abad semenjak kerajaan Sri Wijaya lagi. Mengikut bancian penduduk Kedah pada tahun 1911, terdapat lebih kurang 2,386 sub-etnik Melayu antaranya kaum peranakan Samsam dan Jawi Peranakan berbanding dengan 195,411 orang Melayu (Zaharah Haji Mahmud 1979: 136). Dengan kata lain, kaum peranakan Samsam Islam ini ialah golongan minoriti. Jumlah mereka semakin mengecil kerana mereka berusaha untuk menyerap masuk ke dalam kaum Melayu tempatan yang lebih besar khususnya mereka yang tinggal di kawasan-kawasan yang majoritinya kaum Melayu. Sehubungan itu, sukar untuk mengenali mereka sebagaimana yang dinyatakan oleh Zaharah:

It has been difficult to distinguish the Samsam from the Malays especially in the areas where the local Malays and the Samsam settle together (Zaharah Haji Mahmud 1979: 132).

Bagi menyerapkan diri mereka ke dalam kaum Melayu yang lebih besar maka mereka mesti mempunyai imej positif yang boleh diterima oleh kaum Melayu-Islam yang majoriti itu. Menyedari hakikat ini maka kaum peranakan Samsam Islam cuba untuk mengikis identiti negatif mereka ini bagi menjadi muslim yang sejati supaya diterima ke dalam kaum Melayu-Islam tempatan:

The Samsam chose a way as Malay Muslim in this process. They spoke Thai, and not ashamed to have interchange with the Siamese in

personally. But, it was also important to wipe away the Negative image of “Not-pious Muslim” and “the people of Bandit Area.” And more, the Samsams have closed marital relation that was limited to the Thai-speakers villages till now, because of the daily word and the their own culture. The Samsams learned Malay Language as Malaysian, and in the process to assimilated to the Malay-speaking Malay Muslims. By this, it is sure, their world may be spread for. On the other hand, festivals and customs in their own tradition were abolished as “not Islam”. (Kuroda 2008).

Kuroda (2008) mendapati bahawa kaum peranakan Samsam Islam cuba untuk mengasimilasi ke dalam kaum Melayu-Islam dengan membuang ciri-ciri negatif yang terpalik semenjak dahulu. Antaranya ialah meninggalkan amalan-amalan atau adat resam yang bertentangan dengan Islam.

Perkahwinan dengan kaum Melayu juga satu pilihan untuk kaum peranakan Samsam Islam mengasimilasikan diri mereka ke dalam kaum Melayu-Islam tempatan seperti yang dinyatakan oleh Zaharah di dalam petikan berikut:

It is interesting to note the important part plied by religion in assimilation within the Muslim community. Intermarrriages between members of the Samsam and Indonesia communities with the local Malays were easy because they were all Malays and Muslims (Zaharah Haji Mahmud 1979: 136).

Penguasaan bahasa Melayu adalah satu lagi strategi penting untuk tujuan kaum peranakan Samsam Islam mengasimilasikan diri mereka ke dalam kaum Melayu-Islam. Walau bagaimanapun, Bahasa Melayu yang cuba dikuasai belum benar-benar berjaya kerana pengaruh Bahasa Siam masih menebal khususnya aspek sebutannya. Pengaruh bahasa Siam di dalam bahasa kaum peranakan Samsam dibincangkan oleh Asmah Haji Omar. Namun beliau tidak bersetuju dengan pandangan yang mengatakan bahawa kaum peranakan Samsam (Islam dan bukan Islam) menuturkan satu jenis bahasa yang dikenali sebagai dialek Samsam tetapi lebih kepada loghat Siam:

The Subregion (The border area of the north from Padang Besar, southeastward to the districts of Padang Trap and Sik (sic)) signifies on overlaying of Southern Thai elements, for example, in the phonetic realizations of segmental phonemes. Besides that, it also traces of superimposition of Thai tonal features which may not be functional in Malay either at the word or the phrase level. The variety spoken in

this subregion has been erroneously named the Samsam dialect
(Asmah Hj.Omar 1979: 3).

Dengan kata lain, kaum peranakan Samsam Islam boleh dikenal pasti dengan memerhatikan bahasa Melayu yang digunakan. Loghat Siam itu masih boleh kedengaran dan loghat Siam ini tidak diterima oleh Asmah Hj. Omar (1979) sebagai dialek Samsam. Namun setelah empat atau lima generasi, kaum peranakan Samsam Islam tidak lagi boleh bercakap Siam dan loghat Siam pun sudah tidak boleh lagi kedengaran.

Penguasaan bahasa Melayu di kalangan kaum peranakan Samsam Islam menjadi lebih berkesan apabila mereka memasuki sekolah-sekolah kerajaan yang dibangunkan berasaskan kepada dasar bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Maka orientasi ke arah menguasai bahasa Melayu tambah berkesan dengan sistem pendidikan yang dirancang sedemikian rupa. Selain bahasa, aspek budaya yang lain seperti adat resam Melayu juga semakin dekat dengan mereka. Faktor pendidikan menjadi faktor penting di dalam proses asimilasi kaum peranakan Samsam Islam juga dibincangkan oleh Kuroda: *The Samsams choose a way to become a standard Malay Muslim by education, so as a result, they got the status of Majority* (Kuroda 2008). Dengan kata lain, melalui sistem pendidikan, perkahwinan, perpindahan dan sebagainya kebanyakan kaum peranakan Samsam Islam sudah menganggap mereka sebagai Melayu dan diterima oleh kaum Melayu tempatan. Mobiliti sosialnya lebih cepat akibat daripada pembangunan fizikal yang pesat dialami oleh Kedah khususnya di daerah-daerah yang bersempadan dengan selatan Siam yang menjadi tumpuan kaum peranakan Samsam Islam. Tindakan kaum peranakan Samsam Islam ini untuk berasimilasi dengan kaum Melayu boleh dilihat sebagai satu usaha untuk kaum Melayu menerima mereka supaya tidak menimbulkan 'intercultural' atau 'intergroup' konflik (Ting-Toomey & Takai 2006). Selain mengelak konflik, mereka ingin menikmati keistimewaan sebagai kaum Melayu yang terjamin kedudukan mereka di dalam Perlembagaan Malaysia.

Pembentukan identiti kaum Melayu di Kedah dan di negeri-negeri lain di Malaysia selepas merdeka 1957 ditentukan oleh kuasa yang berotoriti (*authority-defined*) (Shamsul 1998) di mana mengikut Perlembagaan Malaysia kaum Melayu mempunyai ciri-ciri seperti berbahasa Melayu, beragama Islam dan mengamalkan adat resam kaum Melayu. Identiti kaum Melayu yang bersifat '*authority-defined*' ini memberi keistimewaan dari segi politik dan ekonomi kepada kaum Melayu (Mohd Aris 1983). Dengan kata lain, selain faktor agama dan bagi

menghindar sebarang konflik di antara kaum, tindakan kaum peranakan Samsam Islam menerima identiti kaum Melayu atau menjadi Melayu juga boleh dilihat dari segi politik dan ekonomi.

ABDUL MAJID MOHD. NOH⁴ DAN WAYANG GEDEK

Satu kajian lapangan telah dibuat untuk menjejaki kaum peranakan Samsam Islam di wilayah-wilayah utara Kedah. Walau bagaimanapun, agak sukar untuk menemukan kaum ini kerana kekurangan maklumat dan mereka tidak mahu dikenali sebagai kaum peranakan Samsam Islam kerana identiti negatif yang telah lama terlekat pada kaum ini tidak mahu didedahkan. Mereka berusaha menyembunyikannya malah jumlah mereka yang tinggal sangat sedikit sekali dan yang tinggal hanyalah golongan tua seperti Pak Majid. Beliau bersedia membincangkan secara tidak langsung tentang identitinya.



Foto 1. Abdul Majid Mohd Nor – dalang Wayang Gedek

Asal-usul dari Siam dan pandai berbahasa Siam

Respondan yang ditemuramah dari kalangan kaum peranakan Samsam Islam ialah Abdul Majid Mohd. Nor atau lebih dikenali sebagai Pak Majid (Foto 1). Beliau ialah tokoh budayawan Kedah yang terkenal. Sumbangan beliau di dalam memberi dimensi baru kepada Wayang Gedek telah

mempopularkan seni persembahan Melayu tradisional ini. Beliau berasal dari Kampung Kunluang, Mukim Binja, Kubang Pasu, Jitra, Kedah dan dilahirkan pada tahun 1949. Dari lima adik beradik, beliau adalah anak kedua dan menjadi generasi ketiga daripada keturunan Haji Mahmud Bin Saad (generasi pertama) dari Kampung Kekrot yang tidak jauh daripada Kampung Kunluang. Mengikut Pak Majid, datuknya Haji Mahmud berasal dari selatan Siam tetapi beliau tidak pasti wilayah yang tepat. Siapakah Haji Mahmud? Adakah beliau daripada keturunan Siam yang datang dari utara atau tengah Siam? Adakah beliau daripada keturunan Mongol yang pernah menguasai Siam pada waktu dahulu? Melihat kepada raut wajah Pak Majid, beliau nyata ada kacukan Cina-Mongol. Dengan kata lain, Pak Majid berketurunan Siam berdasarkan kepada sejarah datuknya. Bapanya; Mohd. Noh bin Mahmud berasal dari Kampung Kunglung di Kubang Pasu. Menurut Pak Majid, pada mulanya hanya terdapat 6 buah rumah di Kampung Kunluang. Kemudian jumlah rumah bertambah apabila ramai orang Siam yang sampai ke kampung tersebut. Ada yang beragama Islam dan ada juga yang beragama Buddha. Mereka datang bersama-sama dengan permainan Wayang Kulit Siam yang dikenali sebagai Nang Talung.

Wayang kulit Siam adalah sejenis persembahan patung-patung wayang kulit yang digerakkan oleh Tok Dalang. Permainan wayang kulit ini berkembang di utara Kedah kerana terdapat wat-wat Siam di kawasan-kawasan yang ramai dengan penduduk Siam yang beragama Buddha seperti di wat Siam Padang Sira. Daripada kawasan-kawasan Siam ini muncul Wayang Kulit Siam dan kemudiannya ditransformasikan menjadi Wayang Gedek yang popular di Kedah dan Perlis.

Di Malaysia terdapat tiga jenis wayang kulit iaitu Wayang Siam, Wayang Melayu dan Wayang Jawa. Wayang Siam terbahagi dua iaitu Wayang Kelantan di Kelantan dan Wayang Gedek di Kedah dan Perlis. Bentuk patung dan peralatan muziknya membezakan kedua-dua jenis Wayang Siam ini. Bentuk patung, peralatan muzik dan mantera yang digunakan oleh Wayang Gedek sama dengan Wayang Kulit Siam atau Nang Talung (Mohamed Ghouse Nasuruddin 2000: 1-3).

Tradisi permainan wayang kulit Siam di dalam keluarga Pak Majid bermula semenjak arwah bapanya yang dikenali sebagai Pak Noh. Pak Noh berminat dengan wayang kulit Siam dan minatnya yang mendalam telah menyebabkan bapanya itu belajar dengan seorang Pak Dalang Wayang Kulit Siam yang bernama Aden Chon yang juga seorang bomoh. Beliau mempelajari Wayang Kulit Siam dengan Aden Chon selama 13 tahun di Changloon bermula pada tahun 1949. Pak Noh mengasaskan

Kumpulan Wayang Kulit Seri Asun yang banyak dipengaruhi oleh Wayang Kulit Siam melalui nama watak-wataknya seperti Din Kiau dan Ding Tong, cerita-cerita yang digunakan dan upacara-upacara yang tertentu seperti upacara menerima dan membuka pentas yang menggunakan matra-matra Siam dengan tujuan bagi memanggil semangat untuk memulakan persembahan. Wayang kulit ini dikenali sebagai wayang gedek.

Pada tahun 1970, Pak Majid mula mempelajari persembahan Wayang Gedek dengan cara mengikuti bapanya membuat persembahan di merata-rata tempat di Kedah dan Perlis, sesekali ke selatan Siam. Pak Noh Siam dan Pak Majid tahu berbahasa Siam. Pada tahun 1976, Pak Majid mula membuat persembahan Wayang Gedek bersendirian dan menubuhkan Kumpulan Wayang Kulit Seri Asun B. Setelah bapanya meninggal dunia, kini Pak Majid terus menerajui Kumpulan Wayang Kulit Seri Asun (Rahinin 1988).

Sebagai seorang Tok Dalang yang menjadi ketua kepada kumpulan ini, Pak Majid bertanggungjawab untuk memastikan persembahannya berjalan lancar dan memuaskan kehendak penonton. Maka satu upacara magis yang tertentu perlu diadakan yang berhubung dengan pentas, persembahan, watak-watak, peralatan muzik yang digunakan dan penutup persembahan. Upacara-upacara ini melibatkan pembacaan mantera-mantera Siam yang dipercayai dapat melancarkan lagi persembahan mereka. Mantera-mantera ini diucapkan dalam bahasa Siam-Sanskrit. Mantera-mantera tertentu dibaca semasa menerima dan membuka pentas, membuat persembahan, menggunakan peralatan muzik, penampilan tok dalang dan menutup pentas menggunakan mantera-mantera yang menggunakan bahasa Siam-Sanskrit. Misalnya, mantera berikut dibaca ketika mahu membuka pentas:

Om na bo tak sak
Pak kawak to rahak
Om Na bo sang kacat opai
Om Sitti krew suahong

Dalam Bahasa Melayu, mantera ini bermaksud:

Ya Tuhanku
Selamatkan permainan ini,
Jangan ada gangguan,
Jangan ada halangan
Dengan berkat guru Agung/Tuhan

Mengikuti Pak Majid, pentas yang dibina menghadap arah matahari naik oleh pihak penganjur perlu diterima dan penerimaan itu ditandai dengan perbuatan menepuk tiga kali tiang seri pentas itu dan dibacakan mantra Siam yang berbunyi: “lekle” - 3 kali, (ingati selalu dan berpanjangan – dituju kepada penonton). Kemudian dilakukan upacara naik pentas bagi memastikan pentas itu selamat digunakan dengan membaca mantera Siam yang berbunyi “kusiang rong” – 3 kali (aku naikan cahaya atau seri pentas). Kemudian barulah dinaikkan peralatan muzik dan alat-alat yang lain. Tok Dalang akan membaca mantera untuk mempersiapkan dirinya bagi memulakan permainan. Setiap bahagian tubuh Tok Dalang yang akan digunakan akan dibacakan mantera yang tertentu. Misalnya, bagi kaki dibacakan mantera seperti berikut:

Kut kut cet sip pak lak
Kut kut cet sipt pak prai
Kut cikam rop nang
Mai peng chang rai tuaku
Om Sitti krew swahong.

Di dalam Bahasa Melayu maksudnya seperti berikut:

70 kali pacak untuk menjadi kuat
70 kali korek untuk menjadi kuat
Minta tabek untuk melangkah
Dengan berkat Guru Agung/Tuhan

Bagi menjaga badan pula manteranya seperti berikut yang dibaca sebanyak tiga kali:

Loje ok ngam (Muncul dengan cantik dan gagah)

Kebanyakan mantera yang baca oleh Pak Majid disudahi dengan membuat satu rujukan kepada Guru Agung/Tuhan yang lain dari Allah dan rujukan ini jelas bertentangan dengan Islam kerana bagi orang Islam tidak ada Tuhan selain Allah. Namun Pak Majid perlu mengamalkannya untuk memudahkan permainan Wayang Gedeknya. Masyarakat yang mengenali Wayang Gedek ini akan mencurigai permainan ini dan memandang serong kepada seni persembahan ini. Mengikuti Pak Majid, masyarakat di kampungnya tidak memberi sokongan yang besar kepada kegiatan seninya ini berbanding dengan masyarakat di luar kampungnya. Sikap masyarakat kampungnya yang agak mendukacitakan ini adalah

hubungannya dengan amalan membaca mantera di dalam persembahan Wayang Gedek. Dengan kata lain, walaupun sudah beberapa generasi, kajian mendapati bahawa Pak Majid ternyata masih memiliki identiti kaum peranakan Samsam seperti yang dibincangkan pada peringkat awal makalah ini.

MEDEKONSTRUKSI IDENTITI: KAUM PERANAKAN SAMSAM ISLAM DAN MASA DEPAN WAYANG GEDEK

Mengikut Pak Majid permainan Wayang Gedek ini sangat popular di luar kampungnya (Foto 2). Beliau dan kumpulannya telah membuat persembahan di puluhan tempat di dalam dan di luar negara. Hampir setiap minggu ada jemputan untuk kumpulannya membuat persembahan. Bahkan adakalanya hampir setiap malam. Namun masyarakat setempat tidak memperlihatkan sokongan atau kebanggaan terhadap permainan Wayang Gedeknya.

Apabila ditanya tentang sikap masyarakat setempat, beliau menyatakan masyarakat setempat mencurigai permainan Wayang Gedek ini kerana ada unsur-unsur Siam melalui mantera yang diucapkan, yang dikhuatiri bertentangan dengan Islam. Apabila diajukan kepada Pak Majid satu cadangan supaya mantera-mantera yang dibaca itu diMelayukan, maka beliau menegaskan persembahannya tidak akan menjadi dengan baik. Maka mantera di dalam bahasa Siam itu perlu dikekalkan. Pak Majid sebagai saki baki kaum peranakan Samsam Islam di Kedah menyatakan bahawa tidak ada seorang pun anaknya yang cenderung untuk bermain Wayang Gedek. Cuma anaknya yang bongsu yang ada sedikit minat tetapi tidak boleh berbahasa Siam. Maka anaknya itu tidak boleh membaca mantera-mantera itu dengan lancar dan berkesan. Ketidakbolehan anaknya berbahasa Siam kerana isterinya yang lebih rapat dengan anaknya itu tidak pandai berbahasa Siam. Tambahan pula sistem pendidikan formal yang diikuti oleh anaknya tidak memberi ruang untuk mempelajari bahasa Siam. Di sini, jelas perkahwinan dengan orang Melayu tempatan sebagai satu bentuk asimilasi kaum peranakan Samsam Islam telah menjadi salah satu sebab yang membuatkan bahasa Siam tidak dapat berkembang di kalangan kaum peranakan Samsam Islam. Tegasnya, apabila penguasaan bahasa Siam semakin menghilang maka semakin sukar untuk mengenalpasti kaum peranakan Samsam Islam kerana proses asimilasi itu menjadi semakin pantas. Di dalam konteks perkembangan Wayang Gedek, Pak Majid menghadapi masalah untuk melatih



Foto 2. Pak Majid dan salah satu Kulit VCDnya

penggantinya sebagai tok dalang yang cekap berbahasa Siam dan dapat membaca mantera-mantera Siam itu. Mengikut Pak Majid, apabila tidak ramai yang boleh berbahasa Siam maka sukar untuk menjadi dalang dan ini akan mematikan Wayang Gedek. Demi seni persembahan ini, Pak Majid rela mempertahankan identiti kaum peranakan Samsam Islam walau pun dipadang serong oleh masyarakat setempat.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kaum peranakan Samsam Islam yang tinggal di daerah-daerah di utara Kedah yang bersempadan dengan Siam selatan mempunyai identiti etnik yang jelas kerana identiti ini mempunyai ciri-ciri yang tertentu dan melalui ciri-ciri ini kaum peranakan Samsam Islam boleh dikenali. Sejarah Kedah-Siam telah menyediakan ruang untuk memungkinkan kemunculan kaum ini. Kaum peranakan Samsam Islam berasal dari Siam Selatan, beragama Islam tetapi kuat dengan orientasi budaya Siam seperti adat resam dan seni. Melalui perkahwinan dengan kaum Melayu, sama ada di wilayah-wilayah selatan Siam (dan berhijrah ke Kedah) atau di wilayah-wilayah di utara Kedah maka terbentuk peranakan yang berlaku

pada abad ke-18 dan 19. Oleh kerana orientasi budaya Siamnya tinggi maka kaum Melayu-Islam tempatan percaya bahawa pegangan agama Islam kaum peranakan Samsam Islam telah tercemar. Maka kaum peranakan Samsam Islam mempunyai ciri identiti yang negatif mengikut pandangan kaum Melayu-Islam tempatan. Bilangan kaum peranakan Samsam Islam semakin merosot kerana mereka mengasimilasikan diri mereka dengan masyarakat Melayu-Islam tempatan melalui beberapa cara seperti melalui pendidikan dan perkahwinan demi kepentingan sosio-ekonomi dan politik serta untuk mengelakkan konflik. Pak Majid ialah seorang dalang daripada kaum peranakan Samsam Islam daripada generasi ketiga. Beliau beragama Islam dan boleh berbahasa Siam dan masih mengamalkan budaya Siam melalui Wayang Gedek yang diceburinya dari arwah bapanya. Wayang Gedek Pak Majid sangat terkenal di negeri-negeri utara Malaysia seperti di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang tetapi bagi masyarakat di kampungnya, permainan Wayang Gedek tidak begitu dibanggakan dan Pak Majid sebagai dalang yang menggunakan mantera Siam di dalam persembahannya masih dicurigai Islamnya. Demi kesinambungan persembahan Wayang Gedek, Pak Majid masih kekal dengan identiti kaum Peranakan Samsam walau mendapat pandangan yang kurang elok daripada penduduk kampungnya.

NOTA

- ¹ Responden Ku Halim Ku Ariffin 47 tahun adalah seorang pensyarah universiti, telah ditemuramah pada 23 Nov. 2008 di Kangar Perlis.
- ² Responden Alwi Bin Sudin 67 tahun adalah seorang bekas guru, telah ditemuramah pada 22 Nov. 2008 di Beseri, Perlis.
- ³ Responden Halim Dinaar 50 tahun, telah ditemuramah pada 9 Dis. 2008, di USM.
- ⁴ Responden Abdul Majid Bin Mohd Noh 59 tahun, telah ditemuramah pada 21 Nov. 2008 di Kubang Pasu, Kedah.

RUJUKAN

- Archaimbault, C. 1957. A preliminary investigation of the Sam Sam of Kedah and Perlis. *JMBRAS* 30(1): 75-92.
- Asmah Haji Omar. 1979. The Kedah dialect: Its distribution, development and role in the Kedah speech community. Dlm. Asmah Haji Omar (ed.). *Darulaman essays on linguistic, cultural and socio-economic aspects of the Malaysian State of Kedah*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press. Hlm. 1-14.
- Buyong Adil. 1980. *Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Cheah Boon Kheng. 1981. Social banditry and rural crime in North Kedah. 1909-1929. *JMBRAS* 54(2): 98-130.
- Fearon, J.D. 2010. What is identity (As we now use the word)? <http://www.stanford.edu/~jfearon/paper/iden1v2..pdf>. (02/09/2010).
- Kuroda, Keiko. 2008. The Siamese in Kedah under nation-state making. ([http://www.uni-muenster.de/Ethnologie/SouthThai/workingpaper/Kuroda Kedah.pdf](http://www.uni-muenster.de/Ethnologie/SouthThai/workingpaper/Kuroda%20Kedah.pdf)) (28/11/2008).
- Mohamed Ghouse Nasuruddin. 2002. *Teater tradisional Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Aris Hj. Othman. 1983. *The dynamics of Malay identity*. Monograph 7. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahinun Mohd. Noor. 1988. Wayang Kulit Seri Asun, Kedah. *Purba Jurnal Persatuan Muzium Malaysia* 7: 95-106.
- Shamsul, A.B. 1998. Ethnicity, class, culture or identity? Competing paradigms in Malaysian Studies. *Akademika* 53: 33-59.
- Siti Hawa Haji Salleh (pngr.). 1992. *Hikayat Patani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Surin Pitsuwan. 1982. Islam and Malay nationalism: A case study of the Malay-Muslim in Southern Thailand. Tesis Ph.D. Harvard University.
- Ting-Toomey, Stella & Takai, Jiro. 2006. Explaining intercultural conflict. Promising approaches and directions. Dlm. Oetzel, J.G. & Ting-Toomey, S. (eds.). *The SAGE handbook of conflict communication integrating theory, research, and practice*. Thousand Oaks: SAGE Publications. Hlm. 691-723.
- Yaacob Ahmad. 1983. Pahlawan Tok Mo Ris. Dlm/ Khoo Kay Kim (ed.). *Beberapa aspek sejarah Kedah*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia. Hlm. 1-10.
- Wyatt, D.K. 1999. *Thailand.A. short history*. Chiang Mai, Thailand: Silkworm Books.
- Zaharah Binti Haji Mahmud. 1979. The evolution of population and settlement in the State of Kedah. Dlm. Asmah Haji Omar (ed.). *Darulaman essays on linguistic, cultural and socio-economic aspects of the Malaysian State of Kedah*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press. Hlm. 121-153.

Sohaimi Abdul Aziz, Ph.D.
Profesor Madya
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
11800 Minden, Pulau Pinang, MALAYSIA.
E-mail: soaazz@usm.my

Omar Yusoff
Pusat Penyelidikan Dasar dan Pengajian Antarabangsa
Universiti Sains Malaysia
11800 Minden, Pulau Pinang, MALAYSIA.
E-mail: yuasmr@notes.usm.my

